

PENYATA KEWANGAN 2001

LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001

Para Pengarah dengan sukacitanya menyampaikan laporan mereka dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan kepada anak-anak syarikat.

Kegiatan utama anak-anak syarikat diterangkan dalam Nota 5 penyata kewangan.

Tidak ada perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN-KEPUTUSAN OPERASI

Keputusan-keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Kerugian bagi tahun selepas cukai / Kepentingan minoriti	(7,820) 435	(46,060) -
Kerugian bersih bagi tahun	(7,385)	(46,060)

DIVIDEN

Tidak ada dividen telah dibayar, diisytiharkan atau dicadangkan sejak akhir tahun kewangan Syarikat sebelum ini.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada pindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam penyata perubahan dalam ekuiti.

SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN

Skim Opsyen Saham Kakitangan Syarikat ("Skim") telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 24 Jun 1999.

Selaras dengan Skim, opsyen yang ditawarkan dan dilaksanakan dalam tahun kewangan dan opsyen-opsyen selebihnya yang belum dilaksanakan pada 31 Disember 2001 adalah seperti berikut:

Boleh Dilaksanakan Dari	Harga Langganan Setiap Saham	Baki pada 1.1.2001	Dilaksanakan dalam tahun	Saham Belum Diterbitkan pada 31.12.2001
9 Disember 1999	RM1.47	5,133,000	-	5,133,000

LAPORAN PENGARAH...SAMB

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001

Ciri-ciri utama Skim adalah:

- (a) Mereka yang layak adalah kakitangan Kumpulan yang telah disahkan dalam perkhidmatan mereka dan telah berada dalam perkhidmatan Kumpulan sekurang-kurangnya satu tahun pada atau sebelum Tarikh Tawaran. Di mana kakitangan berkhidmat di bawah kontrak pekerjaan, kontrak hendaklah sekurang-kurangnya bagi tempoh tiga tahun. Berhubung dengan kakitangan yang bukan warganegara Malaysia, mereka boleh dipertimbangkan bagi keberhakan apabila mereka berkhidmat dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan atas dasar sepenuh masa.
- (b) Opsyen adalah peribadi kepada penerima dan tidak boleh diserahkan hak.
- (c) Bilangan maksimum saham-saham yang akan ditawarkan di bawah Skim tidak boleh melebihi dalam agregat 10% daripada modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar pada bila-bila masa semasa kewujudan Skim yang akan berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun dari 9 Disember 1999 yang merupakan tarikh kelulusan oleh Suruhanjaya Sekuriti.
- (d) Harga Langganan akan ditentukan melalui pasaran harga penutup saham-saham biasa Syarikat pada hari pasaran sebaik sahaja sebelum Tarikh Tawaran, purata sebut harga pasaran saham-saham biasa Syarikat sebagaimana ditunjukkan dalam Senarai Rasmi Harian yang dikeluarkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur bagi lima hari pasaran sebelum Tarikh Tawaran, atau pada nilai tara saham-saham biasa Syarikat, yang mana lebih tinggi.
- (e) Opsyen yang diberikan boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun dari Tarikh Tawaran opsyen atau tempoh yang mana lebih pendek sebagaimana mungkin secara khusus dinyatakan dalam tawaran selepas memberi notis secara bertulis kepada Syarikat.

Opsyen tidak memberi apa-apa hak kepada mana-mana orang untuk turut-serta dalam mana-mana saham yang diterbitkan mana-mana syarikat lain.

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata kewangan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat dibuat, Pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah:

- (a) untuk memastikan tindakan-tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan pembuatan peruntukan bagi hutang ragu, dan mereka telah berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan mencukupi telah dibuat bagi hutang lapuk; dan
- (b) untuk memastikan bahawa apa-apa aset semasa, selain daripada hutang, yang nilai-nilainya tidak mungkin direalis dalam perjalanan biasa perniagaan sebagaimana ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan nilai kepada jumlah yang mungkin ianya dijangka dapat direalis.

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui mengenai apa-apa keadaan:

- (a) yang akan membawa kepada jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga mana-mana tahap penting; atau
- (b) yang akan menjadikan nilai dikaitkan dengan aset-aset semasa dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
- (c) yang telah timbul yang menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar.

Tidak ada liabiliti kontigen atau lain-lain liabiliti telah menjadi boleh dikuatkuasa atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin secara ketaranya menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi obligasi-obligasinya bila dan apabila timbul.

Pada tarikh laporan ini tidak wujud:

- (a) apa-apa gadaian ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan dan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; atau

LAPORAN PENGARAH...SAMB

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001

(b) apa-apa liabiliti kontigen berhubung dengan Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang mana-mana keadaan yang tidak sebaliknya diuruskan dalam laporan atau penyata kewangan ini yang mungkin membawa kepada mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat para Pengarah:

- (a) keputusan-keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun tidak secara ketaranya terjejas oleh apa-apa perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa kecuali yang dinyatakan dalam penyata pendapatan dan Nota 30 dan 33 kepada penyata kewangan; dan
- (b) tidak timbul dalam jarak waktu di antara akhir tahun dan tarikh laporan ini apa-apa perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa yang berkemungkinan secara ketaranya menjejaskan keputusan-keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan dalam mana laporan ini dibuat.

PENGARAH-PENGARAH

Pengarah-pengarah berikut berkhidmat dengan Lembaga Syarikat sejak tarikh laporan yang lepas:

YB Haji Harun Bin Taib
Y. Bhg Dato' Senara Muda (Dato' Mazlan @ Mohd Nanri Bin Hashim)
YM Raja Haji Idris Bin Raja Kamarudin
YB Haji Md. Azmi Bin Lop Yusof
Y. Bhg Dato' Haji Hassan @ Shugib Bin Lebai Mat
Y. Bhg. Dr. Wan Hassan Bin Wan Embong
Tuan Haji Abd Shahid Bin Mohd Shah (*Dilantik berkuatkuasa dari 20/3/2002*)

Selaras dengan Artikel 113 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, YB Haji Harun Bin Taib dan Y. Bhg Dato' Haji Hassan @ Shugib Bin Lebai Mat meletak jawatan mengikut pusingan pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula.

Tuan Haji Abd Shahid Bin Mohd Shah, yang telah dilantik dalam tahun, meletak jawatan pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang selaras dengan Artikel 117 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk pemilihan semula.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Tidak ada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan telah, selaras dengan Daftar Pemegangan Saham Pengarah-pengarah mempunyai, apa-apa kepentingan dalam saham Syarikat dan syarikat-syarikat berhubung kaitnya kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah:

	Bilangan saham biasa bernilai RM1 sesaham dalam Syarikat			
	Baki pada 1.1.2001	Dibeli	Dijual	Baki pada 31.12.2001
Pemegangan saham dalam nama pengarah:				
YM Raja Haji Idris Bin Raja Kamarudin	202,000	20,000	(3,000)	219,000

LAPORAN PENGARAH...SAMB

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan sebelum ini, tidak ada Pengarah Syarikat telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima apa-apa manfaat (selain daripada yuran dan lain-lain emolumen yang diterima atau terhutang dan boleh diterima oleh pengarah-pengarah sebagaimana ditunjukkan dalam penyata kewangan) atas alasan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma kepada mana Pengarah-pengarah merupakan ahli, atau dengan syarikat dalam mana Pengarah-pengarah mempunyai kepentingan kewangan utama.

Sama ada dalam tahun kewangan mahupun pada akhir tahun kewangan, Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya tidak merupakan pihak kepada mana-mana pengaturan yang objeknya adalah untuk membolehkan Pengarah-pengarah memperolehi manfaat melalui pengambilalihan saham-saham atau debentur-debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat.

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

Pada 19 Jun 2001, Syarikat menandatangani perjanjian untuk melupuskan kepentingan ekuitinya dalam A&W (Malaysia) Sdn Bhd dan A&W (Singapore) Pte. Ltd. ("syarikat-syarikat dan anak-anak syarikatnya") bagi balasan tunai sebanyak RM1. Pembeli akan mengambil alih kesemua aset dan liabiliti syarikat-syarikat dan anak-anak syarikatnya dan melepaskan kesemua jaminan korporat TDM Berhad yang diberikan kepada pelbagai institusi kewangan bagi syarikat-syarikat dan anak-anak syarikatnya. Jualan telah selesai dilaksanakan pada 5 September 2001.

Pada 23 Februari 2001, Kumpulan Mediiman Sdn. Bhd., anak syarikat Syarikat menandatangani perjanjian untuk melupuskan keseluruhan kepentingan ekuitinya dalam Halagel Sdn Bhd bagi balasan tunai sebanyak RM150,000.


JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan Aljeffri & Co, telah menyatakan kesediaan untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga
selaras dengan resolusi para Pengarah,



RAJA IDRIS BIN RAJA KAMARUDIN
Pengarah Eksekutif



ABD SHAHID BIN MOHD SHAH
Pengarah

Kuala Lumpur,

Tarikh : 30hb April 2002


PENYATA OLEH PENGARAH

Kami, **RAJA IDRIS BIN RAJA KAMARUDIN** dan **ABD SHAHID BIN MOHD SHAH**, merupakan dua orang pengarah **TDM BERHAD**, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 94 hingga 132 telah disediakan selaras dengan piawaian-piawaian perakaunan diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 untuk memberi gambaran sebenar dan adil mengenai hal-ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2001 dan keputusan-keputusan operasi mereka dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani selaras dengan resolusi para pengarah,



RAJA IDRIS BIN RAJA KAMARUDIN
Pengarah Eksekutif




ABD SHAHID BIN MOHD SHAH
Pengarah

Kuala Lumpur,

Tarikh : 30hb April 2002


PERAKUAN BERKANUN

Saya, **MOHD NOR @ MOHD NOOR BIN DIN**, merupakan pegawai yang secara utamanya bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan **TDM BERHAD**, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 94 hingga 132 hendaklah setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya betul, dan saya membuat perakuan ini dengan penuh kejujuran mempercayai yang sama adalah benar selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Perakuan Berkanun 1960.



Ditandatangani dan dengan sesungguhnya diisytiharkan oleh yang tersebut di atas,
MOHD NOR @ MOHD NOOR BIN DIN di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan pada 30hb April 2002

Di hadapan saya,



R. RAMAKRISHNAN
PESURUHJAYA SUMPAH
NO. 5, JALAN MEDAN PASAR
KUALA LUMPUR.
Pesuruhjaya Sumpah,
Kuala Lumpur.

LAPORAN JURUAUDIT

KEPADA AHLI-AHLI

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 94 hingga 132. Penyediaan penyata kewangan adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyampaikan pendapat mengenai penyata kewangan berdasarkan audit kami.

Kami menjalankan audit kami selaras dengan piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian itu memerlukan kami untuk merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada salahnyataan material. Audit termasuk memeriksa, atas dasar ujian, keterangan menyokong jumlah-jumlah dan pendedahan-pendedahan dalam penyata kewangan. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah, serta juga menilai kecukupan keseluruhan pembentangan maklumat dalam penyata kewangan. Kami percaya bahawa audit kami memberikan asas munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan disediakan dengan teratur selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang:
 - i) hal-ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2001 dan keputusan-keputusan operasi mereka dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - ii) perkara-perkara yang diperlukan oleh Seksyen 169 Akta Syarikat 1965 untuk diambilkira dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain dan daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan oleh anak-anak syarikat yang mana kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan teratur selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta.

Kami telah menimbang penyata kewangan dan laporan-laporan juruaudit yang dinyatakan dalam Nota 5 kepada penyata kewangan, yang mana kami tidak bertindak sebagai juruaudit.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak-anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan, dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan memuaskan yang diperlukan oleh kami untuk tujuan tersebut.

Laporan-laporan juruaudit ke atas penyata kewangan anak-anak syarikat, kecuali bagi yang disebut dalam Nota 5 kepada penyata kewangan, adalah tidak tertakluk kepada apa-apa syarat dan tidak termasuk apa-apa ulasan kurang baik yang dibuat di bawah Subseksyen 3 Seksyen 174 Akta.



ALJEFFRI & CO.

No Firma : AF 0277

Akauntan Berkanun (Malaysia)



MOHD NEEZAL NOORDIN

2162/06/03(J)

Rakan Firma

Kuala Lumpur,
Tarikh : 30 APRIL 2002

KUNCI KIRA-KIRA

PADA 31 DISEMBER 2001

	NOTA	Kumpulan		Syarikat	
		2001 RM'000	Dinyatakan semula 2000 RM'000	2001 RM'000	Dinyatakan semula 2000 RM'000
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	4	407,463	439,290	50,064	39,655
Anak-anak syarikat	5	-	-	102,295	109,966
Syarikat-syarikat bersekutu	6	-	1,221	-	-
Lain-lain pelaburan	7	7,106	7,635	2,080	2,080
Aset tak ketara	8	2,069	2,243	-	-
Aset semasa					
Perbelanjaan pembangunan	9	3,626	1,030	-	-
Inventori	10	11,125	15,968	16	22
Jumlah dagang dan lain-lain jumlah akan diterima	11	65,914	60,116	7,749	3,095
Jumlah terhutang daripada anak-anak syarikat	12	-	-	194,635	222,692
Deposit, baki bank dan dan tunai	13	3,688	6,064	117	140
		84,353	83,178	202,517	225,949
Liabiliti semasa					
Jumlah dagangan dan lain-lain jumlah akan dibayar	14	132,531	152,391	24,190	22,043
Jumlah akan dibayar kepada anak-anak syarikat	12	-	-	70,567	78,321
Sewa beli dan liabiliti pajakan	15	2,234	2,985	15	45
Pinjaman jangka pendek	16	62,907	66,137	34,809	14,190
Peruntukan bagi cukai		2,268	4,406	-	233
		199,940	225,915	129,581	114,832
(Liabiliti)/aset semasa bersih		(115,587)	(142,741)	72,936	111,117
Tolak: liabiliti bukan semasa					
Cukai tertunda	17	1,091	1,091	-	-
Faedah persaraan	18	1,047	655	-	-
Liabiliti sewa beli dan pajakan	15	578	2,783	32	45
Pinjaman jangka panjang	19	162,339	176,356	109,000	108,300
Muhibah negatif	22	26,128	24,650	-	-
		191,183	205,535	109,032	108,345
		109,868	102,113	118,343	154,473
Modal dan rizab					
Modal saham	23	80,682	80,682	80,682	80,682
Rizab-rizab :					
Rizab modal	24	-	-	2,736	2,736
Premium saham	24	63,259	63,259	63,970	63,970
Lebihan penilaian semula	24	20,638	10,708	20,638	10,708
Rizab pertukaran asing	24	(2)	(4,731)	-	-
		164,577	149,918	168,026	158,096
Kerugian terkumpul		(55,190)	(47,805)	(49,683)	(3,623)
Ekuiti pemegang saham		109,387	102,113	118,343	154,473
Kepentingan minoriti		481	-	-	-
		109,868	102,113	118,343	154,473

Nota-nota dikemukakan pada muka surat 100 hingga 132 membentuk sebahagian penting daripada, dan hendaklah dibaca sehubungan dengan, penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001

	NOTA	Kumpulan		Syarikat	
		2001 RM'000	Dinyatakan semula 2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
Hasil	26	144,709	158,741	-	3,679
Kos jualan		(67,190)	(69,606)	-	(2,047)
Keuntungan kasar		77,519	89,135	-	1,632
Perbelanjaan kendalian					
Kos pengedaran		(7,033)	(10,912)	-	-
Perbelanjaan pentadbiran		(77,902)	(67,831)	(4,749)	(3,608)
Lain-lain perbelanjaan kendalian		(19,968)	(53,367)	(282)	-
Lain-lain pendapatan kendalian		15,702	9,964	4,683	4,882
(Kerugian)/keuntungan daripada operasi	27	(11,682)	(33,011)	(348)	2,906
Kos kewangan	29	(14,926)	(16,534)	(5,350)	(4,010)
Kerugian daripada kegiatan biasa sebelum cukai dan perkara luar biasa		(26,608)	(49,545)	(5,698)	(1,104)
Perkara luar biasa	30	18,901	212	(40,362)	160
Kerugian daripada kegiatan biasa sebelum cukai dan selepas perkara luar biasa		(7,707)	(49,333)	(46,060)	(944)
Cukai	31	(113)	664	-	(64)
Kerugian daripada kegiatan biasa selepas cukai		(7,820)	(48,669)	(46,060)	(1,008)
Kepentingan minoriti		435	1,047	-	-
Kerugian bersih bagi tahun		(7,385)	(47,622)	(46,060)	(1,008)
Kerugian setiap saham	32	9 sen	59 sen		

Nota-nota dikemukakan pada muka surat 100 hingga 132 membentuk sebahagian penting daripada, dan hendaklah dibaca sehubungan dengan, penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001

	NOTA	MODAL SAHAM	PREMIUM SAHAM	LEBIHAN PENILAIAN SEMULA	MODAL PEGABUNGAN	RIZAB TUKARAN ASING	(KERUGIAN)/ KEUNTUNGAN TERKUMPUL	JUMLAH
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kumpulan								
Pada 1 Januari 2000		80,614	-	80,626	23,227	(7,409)	7,492	184,550
Pelarasan tahun terdahulu	33	-	-	-	-	-	(705)	(705)
Perubahan dalam polisi perakaunan	33	-	63,227	(69,918)	(23,227)	-	(6,970)	(36,888)
Baki dinyatakan semula		80,614	63,227	10,708	-	(7,409)	(183)	146,957
Perbezaan terjemahan mata wang		-	-	-	-	2,678	-	2,678
Keuntungan dan kerugian bersih tidak diiktiraf dalam								
Penyata Pendapatan		-	-	-	-	2,678	-	2,678
Kerugian bersih bagi tahun tersebut		-	-	-	-	-	(47,622)	(47,622)
Terbitan modal saham	23	68	32	-	-	-	-	100
Pada 31 Disember 2000		80,682	63,259	10,708	-	(4,731)	(47,805)	102,113
Perbezaan terjemahan mata wang		-	-	-	-	4,729	-	4,729
Keuntungan dan kerugian tidak diiktiraf dalam Penyata Pendapatan		-	-	-	-	4,729	-	4,729
Lebih atas penilaian semula tanah		-	-	9,930	-	-	-	9,930
Kerugian bersih bagi tahun		-	-	-	-	-	(7,385)	(7,385)
Pada 31 Disember 2001		80,682	63,259	20,638	-	(2)	(55,190)	109,387

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 100 hingga 132 membentuk sebahagian penting daripada, dan hendaklah dibaca selaras dengan, penyata-penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001... SAMB

Syarikat	NOTA	MODAL SAHAM RM'000	PREMIUM SAHAM RM'000	LEBIHAN PENILAIAN RM'000	MODAL RIZAB RM'000	KERUGIAN TERKUMPUL RM'000	JUMLAH RM'000
Pada 1 Januari 2000		80,614	-	10,708	2,736	(2,615)	91,443
Perubahan dalam polisi perakaunan	33	-	63,938	-	-	-	63,938
Baki dinyatakan semula		80,614	63,938	10,708	2,736	(2,615)	155,381
Kerugian bagi tahun		-	-	-	-	(1,008)	(1,008)
Terbitan modal saham	68	32	-	-	-	-	100
Pada 31 Disember 2000		80,682	63,970	10,708	2,736	(3,623)	154,473
Lebihan atas penilaian semula tanah		-	-	9,930	-	-	9,930
Kerugian bersih bagi tahun		-	-	-	-	(46,060)	(46,060)
Pada 31 Disember 2001		80,682	63,970	20,638	2,736	(49,683)	118,343

Nota-nota dikemukakan pada muka surat 100 hingga 132 membentuk sebahagian penting daripada, dan hendaklah dibaca sehubungan dengan, penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001... SAMB

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN				
Kerugian sebelum cukai	(7,707)	(49,333)	(46,060)	(944)
Pelarasan bagi:				
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	14,180	15,807	664	582
Pelunasan bagi perbelanjaan tertunda	84	1,032	-	-
(Keuntungan)/kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(1,772)	926	-	-
Baki antara syarikat dihapus kira	-	-	(42,291)	-
Kerugian atas pelupusan saham	-	806	-	-
(Keuntungan)/kerugian atas pelupusan saham dalam anak-anak syarikat	-	(1,450)	40,362	(1,610)
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	11	1,282	-	-
Peruntukan bagi hutang ragu	12,806	3,396	-	-
Hutang lapuk dihapus kira	667	259	-	-
Inventori dihapus kira	81	-	-	-
Kos projek dihapus kira	1,132	-	-	-
Pelunasan bagi muhibah negatif	(4,470)	(4,218)	-	-
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	39	2,468	-	2,385
(Kerugian)/keuntungan kendalian sebelum perubahan modal kerja	15,951	(29,025)	(47,325)	413
Pengurangan /(peningkatan) dalam inventori	1,422	2,592	6	(17)
Pengurangan /(peningkatan) dalam jumlah akan diterima	(3,015)	6,702	26,517	(7,746)
Peningkatan(pengurangan) dalam jumlah akan dibayar	(30,039)	17,239	(8,721)	9,062
Turun naik dalam tukaran asing	-	4,050	-	-
Peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan	(3,728)	(267)	-	-
Tunai diperolehi daripada /(diguna dalam) operasi	(19,409)	1,291	(29,523)	1,712
Cukai pendapatan dibayar	(2,136)	(525)	(233)	(155)
Faedah persaraan dibayar	392	(46)	-	-
Tunai bersih (diguna dalam)/diperolehi daripada kegiatan kendalian	(21,153)	720	(29,756)	1,557

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2001... SAMB

	Kumpulan		Syarikat	
	2001 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN				
Perolehan daripada pelupusan pelaburan	-	2,969	-	1,750
Pembelian anak syarikat	-	263	-	-
Pelupusan anak syarikat	23,698	268	9,600	250
Perolehan daripada pelupusan saham dalam anak syarikat	-	1,500	-	1,500
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji & peralatan	4,279	3,762	-	-
Pembelian hartanah, loji & peralatan	(13,008)	(29,140)	(1,143)	(6,177)
Tunai bersih diperolehi daripada / (diguna dalam) kegiatan pelaburan	14,969	(20,378)	8,457	(2,677)
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Terbitan modal saham	-	100	-	100
Perolehan daripada pinjaman jangka panjang	29,400	8,138	26,400	-
Perolehan daripada pinjaman jangka pendek	3,247	12,111	-	-
Perolehan daripada terbitan saham kepada minoriti	1,200	-	-	-
Bayaran balik pinjaman jangka panjang	(7,893)	(4,498)	(4,000)	-
Bayaran balik pinjaman jangka pendek	(2,706)	(1,270)	(43)	-
Tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan	23,248	14,581	22,357	100
(Pengurangan)/peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai	17,064	(5,077)	1,058	(1,020)
Tunai dan setara tunai pada permulaan tahun	(26,156)	(21,079)	(8,550)	(7,530)
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	(9,092)	(26,156)	(7,492)	(8,550)
Diwakili oleh:				
Deposit dengan bank berlesen	1,123	1,725	2	2
Tunai dan baki bank	2,565	4,339	115	138
Overdraf bank	(12,780)	(32,220)	(7,609)	(8,690)
	(9,092)	(26,156)	(7,492)	(8,550)

Nota-nota dikemukakan pada muka surat 100 hingga 132 membentuk sebahagian penting daripada, dan hendaklah dibaca sehubungan dengan, penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN... SAMB

31 DISEMBER 2001

1. ASAS PERAKAUNAN

Penyata kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, diubahsuai untuk memasukkan penilaian semula aset-aset tertentu dan mematuhi piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965.

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan penting Kumpulan dan Syarikat, yang seimbang dengan yang diamalkan dalam tahun kewangan sebelum ini, diringkaskan di bawah:

(a) Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan menggabungkan penyata-penyata kewangan Syarikat dan kesemua anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

Kesemua baki dan urusniaga penting antara syarikat dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan Kumpulan menggambarkan urusniaga luaran sahaja. Di mana perlu, polisi-polisi perakaunan bagi anak-anak syarikat telah diubah untuk memastikan ia sejajar dengan polisi-polisi Kumpulan.

Anak-anak syarikat disatukan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan, Keputusan anak-anak syarikat dimasukkan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh pelupusan. Lebihan kos pelaburan ke atas nilai aset-aset bersih anak-anak syarikat pada tarikh pengambilalihan dikekalkan sebagai muhibah yang timbul atas penyatuan dan dilunaskan sama rata ke atas tempoh sepuluh (10) tahun.

Lebihan nilai aset-aset bersih anak-anak syarikat ke atas kos pelaburan pada tarikh pengambilalihan dikekalkan sebagai muhibah negatif yang timbul atas penyatuan dan dilunaskan sama rata ke atas tempoh sepuluh (10) tahun.

(b) Anak-anak Syarikat

Anak-anak syarikat adalah syarikat-syarikat dalam mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang lebih daripada 50% atau mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan kendalian untuk mendapatkan faedah daripada kegiatan-kegiatan mereka.

Pelaburan dalam anak-anak syarikat, yang dihapuskan atas penyatuan, dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat pada kos, tolak peruntukan untuk mana-mana rosotnilai kekal sejauh mana para Pengarah anggap rosotnilai sedemikian sebagai bersifat kekal.

Keuntungan dan kerugian timbul daripada pelupusan pelaburan dalam anak-anak syarikat dianggap sebagai perkara terkecuali.

(c) Syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat dalam mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20% dan 50%, dan di mana Kumpulan mempunyai perwakilan dalam Lembaga dan berada dalam kedudukan boleh melaksanakan pengaruh penting ke atas keputusan polisi kewangan dan kendalian.

Penyata pendapatan disatukan termasuk bahagian daripada keputusan syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan berdasarkan penyata kewangan teraudit terkini atau penyata kewangan pengurusan syarikat-syarikat terlibat.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos, tolak peruntukan bagi mana-mana pengurangan kekal dalam nilai sejauh mana para pengarah menganggap pengurangan sedemikian sebagai bersifat kekal.

Dalam kunci kira-kira yang disatukan, kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dicampur bahagian Kumpulan terhadap keputusan-keputusan dan rizab-rizab selepas pengambilalihan.

(d) Pelaburan

Pelaburan dalam mana Kumpulan memegang kepentingan ekuiti jangka panjang dinyatakan pada kos melainkan pada pendapat pengarah-pengarah terdapatnya rosotnilai kekal dalam hal mana peruntukan dibuat bagi rosotnilai tersebut.

Pelaburan dipegang untuk tujuan jangka pendek dinyatakan pada kos dan nilai pasaran berdasarkan jumlah portfolio yang mana lebih rendah. Apa-apa pengurangan dalam nilai pasaran dan apa-apa keterbalikan daripada pengurangan sedemikian dimasukkan dalam penyata pendapatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN...SAMB

(e) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian semula ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosotnilai, sekiranya ada.

Tanah dan bangunan dinilai semula pada jarak waktu tetap sekurang-kurangnya satu kali setiap tiga tahun dengan penilaian tambahan pada tahun-tahun di antaranya apabila keadaan pasaran menunjukkan bahawa nilai tanah dan bangunan yang dibawa secara materialnya berbeza daripada nilai-nilai pasaran.

Tanah pegangan kekal tidak dilunaskan memandangkan ia dianggap mempunyai hayat yang berkekalan. Tanah perladangan pegangan pajak dilunaskan dalam ansuran sama banyak ke atas tempoh pajakan masing-masing.

Susut nilai ke atas lain-lain harta, loji dan peralatan dikira untuk melupuskan kira kos atau penilaian aset-aset atas dasar garis lurus ke atas anggaran hayat berguna aset-aset terlibat.

Kadar tahunan utama susut nilai yang diguna adalah seperti berikut:

	%
Bangunan-bangunan pegangan kekal	5
Bangunan-bangunan pegangan pajak	5-10
Loji dan jentera-jentera	5-7
Perabot dan pemasangan, peralatan dan kenderaan bermotor	10-20
Perkakas pertanian	33 1/3
Pinggan-mangkuk, kutleri, dapur dan peralatan catering	33 1/3
Taman permainan kanak-kanak	10-15
Jalan, Jambatan dan pagar	10

Penggantian semua kelengkapan dan peralatan dicajkan kepada penyata pendapatan dalam tahun dalam mana ia ditanggung.

(f) Perbelanjaan penanaman baru dan penanaman semula

Perbelanjaan penanaman baru yang ditanggung ke atas pembersihan tanah dan penjagaan pokok-pokok sehingga matang dipermodalkan di bawah perbelanjaan peladangan dan tidak dilunaskan. Perbelanjaan penanaman semula dicajkan kepada penyata pendapatan pada tahun dalam mana perbelanjaan ditanggung.

(g) Perbelanjaan tertunda

Perbelanjaan tertunda terdiri daripada yang berikut:

- Perbelanjaan yang ditanggung ke atas kawasan pembiak baka sehingga matang dan akan dilunaskan ke atas purata pusingan pengeluaran pembiak baka.
- Perbelanjaan tertunda yang berkait dengan perbelanjaan sampingan yang ditanggung dalam membawa pesawat disewa sedia untuk kegunaan yang dihasratkan. Perbelanjaan tertunda ini dilunaskan selama tempoh pajakan selama 9 tahun pesawat tersebut.
- Kos yang ditanggung ke atas projek-projek pembangunan diiktiraf sebagai aset-aset pembangunan (aset tak ketara) sehingga tahap di mana perbelanjaan sedemikian dijangka akan menghasilkan faedah-faedah ekonomi pada masa hadapan. Kos pembangunan telah dipermodalkan dilunaskan atas dasar garis lurus ke atas tempoh faedah dijangkakan.

(h) Perbelanjaan pembangunan

Perbelanjaan pembangunan terdiri daripada perbelanjaan ditanggung ke atas pembangunan tanah oleh anak syarikat pelaburan hartanah.

Perbelanjaan pembangunan dinyatakan pada kos dicampur keuntungan boleh dikait tolak bil-bil kemajuan. Kos terdiri daripada kos tanah, bahan-bahan, buruh langsung, yuran profesional dan lain-lain perbelanjaan langsung, dan perbelanjaan berkaitan

(i) Permodalan kos pinjaman

Kos pinjaman dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos hartanah dalam tempoh kegiatan-kegiatan untuk merancang, membina dan membangunkan hartanah dilaksanakan. Permodalan kos pinjaman akan berakhir apabila sebahagian besar kegiatan yang perlu untuk menyediakan harta bagi kegunaan yang dihasratkan atau jualan telah siap.

Kos pinjaman yang secara langsung boleh dikait kepada pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset-aset dipermodalkan sebagai sebahagian kos sehingga aset-aset sedia untuk kegunaan yang dihasratkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN ...SAMB

(j) Inventori

Inventori dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Nilai boleh direalis bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos diperlukan untuk membuat jualan, dan peruntukan bagi perkara lapuk dan bergerak perlahan, di mana terpakai.

(k) Jumlah akan diterima

Jumlah akan diterima diiktiraf dan dinyatakan pada jumlah asal yang diinvois. Hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan dibuat bagi hutang dianggap meragukan untuk dikutip.

(l) Perakaunan bagi sewa beli

Aset yang dibeli di bawah perjanjian sewa beli dipermodalkan pada kos pembelian dan disusutnilaikan atas dasar yang sama sebagai aset dimiliki. Jumlah keseluruhan perlu dibayar di bawah perjanjian sewa beli ditunjukkan di bawah pemiutang sewa beli. Elemen-elemen faedah dilunaskan ke atas tempoh perjanjian dengan menggunakan anggaran hayat berguna masing-masing. Caj kewangan berkaitan dicaj kepada penyata pendapatan.

(m) Pajak

i) Pajak kewangan

Pajak hartanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mengambil alih sebahagian besar faedah dan risiko pemilikan dikelasifikasikan sebagai pajak kewangan.

Pajak kewangan dipermodalkan pada anggaran nilai semasa bayaran pajak pada tarikh permulaan. Setiap bayaran pajak diperuntukkan di antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar yang seimbang atas baki kewangan belum dijelas. Surat-menyurat mengenai obligasi sewa, bersih daripada caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah caj kewangan dicaj kepada penyata pendapatan ke atas tempoh pajak.

Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi di bawah kontrak pajak kewangan disusutnilaikan ke atas anggaran hayat berguna aset-aset. Sekiranya tidak ada kepastian yang munasabah bahawa hak milik akan dipindahkan kepada Kumpulan, aset-aset disusutnilaikan ke atas tempoh pajak dan anggaran hayat bergunanya yang mana lebih pendek.

ii) Pajak operasi

Pajak aset di bawah mana kesemua risiko dan faedah pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajak dikelaskan sebagai pajak operasi. Bayaran dibuat di bawah pajak operasi dicajkan kepada penyata pendapatan atas dasar garis lurus ke atas tempoh pajak.

(n) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan bagi perbezaan masa dengan menggunakan kaedah liabiliti kecuali di mana boleh ditunjukkan bahawa penundaan cukai akan berterusan pada masa hadapan boleh dijangka.

Perbezaan masa timbul atas perkara-perkara daripada pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf untuk tujuan cukai dalam tempoh-tempoh yang berbeza daripada mana ia diiktiraf dalam penyata pendapatan. Di mana perbezaan masa berpunca dalam aset cukai tertunda, ia diiktiraf hanya sekiranya terdapat jangkaan munasabah mengenai realisasi aset.

(o) Ganjaran persaraan

Peruntukan bagi ganjaran persaraan dibuat berdasarkan gaji bulanan terakhir diterima oleh kakitangan yang layak dan tempoh perkhidmatan mereka selaras dengan terma-terma skim perkhidmatan, dan dicajkan kepada penyata pendapatan untuk menebarkan kos faedah ke atas tempoh perkhidmatan kakitangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN ...SAMB

(p) MataWang Asing

Penyata kewangan dinyatakan pada Ringgit Malaysia (RM).

i) Terjemahan matawang asing

Urusniaga dalam matawang asing diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar yang terdapat pada tarikh urusniaga. Pada tarikh kunci kira-kira, aset-aset dan liabiliti monetari yang berpunca daripada urusniaga mata wang asing ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran berkuatkuasa pada tarikh. Perbezaan pertukaran dibawa ke dalam penyata pendapatan.

ii) Penyata kewangan operasi-operasi asing

Dalam penyata kewangan Kumpulan, aset dan liabiliti dan keputusan operasi anak-anak syarikat asing ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran berkuatkuasa pada tarikh kunci kira-kira. Perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan aset dan liabiliti dan keputusan operasi pada kadar tahun, dan pernyataan semula pada kadar akhir tahun pelaburan bersih pembukaan dalam anak-anak syarikat asing dibawa kepada rizab pertukaran asing sebagai komponen dana pemegang-pemegang saham.

Kadar penutup utama yang diguna dalam terjemahan jumlah matawang adalah seperti berikut:-

Matawang asing	31.12.2001	31.12.2000
1 Dolar US (USD)	3.80	3.80
1 Dolar Singapura (S\$)	2.06	2.20
100 Thai Baht	8.02	8.80

(q) Pengiktirafan hasil

i) Pendapatan daripada jualan barangan dan perkhidmatan

Hasil daripada jualan barangan diiktiraf apabila risiko dan ganjaran penting pemilikan barangan diserahkan kepada pembeli.

Hasil bagi perkhidmatan diiktiraf selepas pelaksanaan perkhidmatan.

ii) Pendapatan pelaburan

